


# UMS-KAL dapat Anugerah Pensijilan Amalan 5S MPC 2011

NS 7 29/10/11 4



TANDA KENANGAN... Edward (empat dari kiri) bergambar kenangan bersama AJK Pelaksana Amalan 5S UMS-KAL. Turut kelihatan sama Prof Dr Shariff (empat dari kanan), Dr Ag Asri (tiga dari kanan), Kamisah (tiga dari kiri) dan Musnin (dua dari kanan).

LABUAN: Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS--KAL) disahkan mendapat Anugerah Pensijilan Amalan 5S (Sisih, Sapu, Susun, Seragam, Sentiasa Amal) yang dianugerahkan oleh Malaysian Productivity Corporation (MPC) 2011.

Pengumuman menggembirakan itu disampaikan oleh Consultant MPC, Edward Binty di Bilik Mesyuarat Eksekutif, Tingkat 11, Bangunan Menara UMS--KAL, Rabu lalu.

Terdahu, beliau mendengar taklimat mengenai Amalan 5S daripada Pengerusi Jawatankuasa Pelaksana Amalan 5S UMS-KAL, Musnin Mattersah yang dihadiri oleh Ahli Jawatankuasa Induk dan Ketua Jawatankuasa Pelaksana 5S.

Edward berharap Sijil 5S MPC yang akan diterima dalam tempoh sebulan dari tarikh beliau membuat audit itu mahu semua AJK Pelaksana dan kakitangan UMS-KAL mengekalkan pencapaian berkecuali pada masa akan datang.

"Semua kakitangan UMS-KAL terutama Ahli Jawatankuasa Pelaksana 5S telah menunjukkan komitmen yang tinggi sehingga membolehkan UMS-KAL layak menerima Sijil 5S daripada MPC," katanya.

Turut hadir Dekan Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL), Dr Ag Asri Ag Ibrahim, Timbalan Pendaftar Pentadbiran, Kamisah Husin dan Timbalan Pengerusi AJK Induk, Suffian Osman. **-OLEH JAINUDIN DJIMIN (jainudin@newsabah-times.com.my)**